



“NO GIFT POLICY”



6 Sokongan rakyat nadi Perangi Rasuah

10 SPRM Alu-alukan langkah GLC: No Gift Policy

11 Diesel: Diseleweng setiap hari.



Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT ESEKUTIF

Datuk Sutinah Sutan

PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil

KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

EDITOR

Muhammad Yusof Bahir

WARTAWAN

Faridah Mahabob

KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd. Shuhaini

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Yusof Mohamad Saberi

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI	02
PENA PENGARANG	03
Inisiatif APEC, SME Tangani Rasuah Sektor Swasta	04
Ubah Budaya organisasi, perniagaan, pastikan gejala rasuah tak berulang	05
Sokongan rakyat nadi Perangi Rasuah	06
Lensa SPRM	08
SPRM Alu-alukan langkah GLC : No Gift Policy	10
Diesel: Diseleweng setiap hari	11
Shuib takut kena "PULAU"	12
TIDBITS	14

PERCETAKAN Armnet Integrated Sdn. Bhd. No.38 Jalan Pekaka 8/4, Seksyen 8, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. **TEL** 03-89641258 **FAKS** 09-89641258

PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI Bahagian Pendidikan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan dan Promosi Media, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/IPTS seluruh negara.

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Pena Pengarang

SPRM

BERTARAF DUNIA

“Walaupun pernah menjadi sasaran tohmahan pelbagai pihak, SPRM tidak pernah goyah, sebaliknya menjadikan serangan politik murahan dan persepsi negatif sebelum ini sebagai cabaran memerangi rasuah dengan lebih serius menerusi gerakan pembaharuan berteraskan integriti dengan memberi penekanan kepada tadbir urus kerajaan, hinggalah kepada mewujudkan budaya niaga dan korporat yang bertanggungjawab dan beretika.”

SPRM bertaraf dunia. Itu pengiktirafan dari Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu (UN) berkaitan dadah dan jenayah (UNODC) yang menilai berdasarkan mekanisme 'checks and balances' dalam suruhanjaya ini yang menjalankan tugasnya secara bebas, telus dan profesional.

Mekanisme kawal selia pentadbiran yang memerlukan SPRM menjawab dan menjelaskan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) secara tahunan, selain wujudnya Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah menjadikan SPRM sebuah agensi penguatkuasaan yang sepenuhnya telus.

Menurut pengamatan mereka, sistem memerangi rasuah melalui pendekatan menyeluruh yang menjadi komponen utama reformasi menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) bukan sahaja meletakkan SPRM sebuah agensi yang berjaya meningkatkan tanda aras amalan terbaik, malah boleh dijadikan model kepada negara lain yang bercadang menubuhkan institusi pencegahan rasuahnya sendiri.

Tranformasi dari BPR kepada SPRM sejak tahun 2009, seterusnya peningkatan keupayaan suruhanjaya ini memerangi rasuah dan aktif menjalin kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasa negara lain sentiasa menjadi perhatian dan sering mendapat pengiktirafan diperingkat antarabangsa. SPRM juga sentiasa menjadi tempat rujukan dan rakan kongsi pengalaman dalam memerangi rasuah oleh organisasi-organisasi lain dari seluruh dunia.

Ini bukan kali pertama SPRM mendapat pengiktirafan sedemikian. Sebelum daripada ini, peranan suruhanjaya ini di persada antarabangsa sentiasa mendapat perhatian dan pengiktirafan badan-badan lain, antaranya Asia-

Pacific Economic Cooperation (APEC), United Nation Convention Againsts Corruption (UNCAC), Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD), dan International Criminal Police Organization (INTERPOL) selain penghargaan dari pelbagai negara yang menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan SPRM atas sumbangan besar suruhanjaya ini membantu usaha membanteras rasuah di negara-negara tersebut.

Pelbagai inisiatif lain yang dilaksanakan oleh SPRM dan kerajaan sejak empat tahun lalu antaranya penambahbaikan dalam pengurusan dan politik, mewujudkan unit integriti di semua badan kerajaan, penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dan yang terbaru meminda Akta SPRM untuk memberi skop yang lebih luas, menubuhkan Unit Integriti di setiap agensi dan memasukkan elemen anti rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah adalah pendekatan terkini bagi menangani masalah rasuah di semua peringkat.

Justeru, jika masyarakat antarabangsa boleh mengiktiraf ketelusan dan kebebasan yang diamalkan SPRM, mengapa tidak rakyat Malaysia. Biar apa pun status, kedudukan, agama atau ideologi politik yang kita pegang, Memerangi rasuah memerlukan sokongan padu segenap lapisan masyarakat. Berilah sokongan anda.

Anda Boleh Lakukan Perubahan, **PERANGI** Rasuah!

Datuk Shamshun Baharin Mohd. Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial





Datuk Low Seng Kuan (kanan) memalu gong menandakan bermulanya APEC Train the Trainer di Institut Integriti Malaysia. Sambal diperhatikan Tan Sri Abu Kassim Mohamed (kiri), Lynn Costa (dua dari kiri), dan Datuk Hafsa Hashim (dua dari kanan)

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA



Datuk Seri Najib memerhati cenderahati yang diterimanya sejeurus beliau selesai merasmikan penutupan Bengkel Latihan anjuran APEC di Institut Integriti Malaysia pada 30 Ogos lepas.

Kod Etika:

INISIATIF APEC, SME TANGANI RASUAH SEKTOR SWASTA

Faridah Mahabob

Tanggapan umum bahawa amalan rasuah hanya berlaku dalam sektor awam adalah tidak tepat. Sektor swasta dan orang awam sebenarnya tidak terkecuali dari amalan songsang ini. Malangnya penglibatan kedua-dua kumpulan ini jarang dipersoalkan atau dibincangkan bagi mencari satu mekanisme pencegahan dalam kalangan itu.

Bagi meningkatkan kesedaran mengenai budaya buruk rasuah di sektor swasta dan komitmen melindungi pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana (PKS), atau lebih dikenali sebagai Small and Medium Enterprises (SME), Majlis Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) mengambil inisiatif menganjurkan APEC Train-The-Trainer Workshop for Voluntary Codes of Business Ethics in The Medical Device, Biopharmaceutical, and Construction & Engineering Sectors yang berlangsung di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dari 26-30 Ogos lepas.

Persidangan julung kali diadakan di Kuala Lumpur anjuran bersama Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) itu disertai lebih 200 peserta dari pelbagai negara anggota APEC.

Program bertujuan:

- Mewujudkan kesedaran anti rasuah serantau yang berkaitan dengan alatan perubatan, biofarmasi dan pembinaan dan industri kejuruteraan serta pemahaman yang lebih luas tentang cabaran pematuhan bagi setiap sektor.
- Membangunkan kemahiran teknikal yang diperlukan untuk mengatur, mengurus dan memacu program pematuhan yang berkesan dan mampan bagi pertumbuhan-pertumbuhan dalam industri di rantau ini dan syarikat-syarikat yang merangkumi ketiga-tiga sektor

tersebut.

- Membangunkan pelan tindakan untuk meningkatkan penggunaan kod etika sejajar dengan Prinsip APEC yang melibatkan ahli-ahli industri, termasuklah menjalankan sekurang-kurangnya dua latihan setempat oleh setiap wakil yang hadir dalam bengkel tersebut sebelum Ogos 2014, dengan sekurang-kurangnya satu program yang diadakan pada tahun 2013. Usaha ini bertujuan untuk mengembangkan bilangan pengamal etika di seluruh 24 negara APEC dan ASEAN. Business Ethics for APEC SMEs Initiative akan menjalankan pemantauan untuk menilai tahap pelaksanaan program.

- Membentuk rangkaian APEC terbesar di kalangan pengamal pematuhan etika di mana hampir 150 peserta merangkumi tiga sektor yang menamatkan bengkel tersebut komited untuk mempraktikkan amalan terbaik dan kod etika, sejajar dengan Prinsip APEC dan kecemerlangan pematuhan.

Untuk maklumat lanjut mengenai APEC Train-the Trainer Workshop for Business Ethics for APEC SMEs Initiative, sila hubungi Lynn Costa (Lynn.Costa @ trade.gov), Project Overseer & Senior Trade Development Advisor of the International Trade Administration, U.S. Department of Commerce.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan ketika berucap merasmikan persidangan ini berkata, penganjuran bengkel ini menjadi platform kepada inisiatif memerangi rasuah di sektor swasta.

Menurut beliau lagi, ini disebabkan persepsi salah yang menganggap rasuah bukan satu jenayah masih wujud di sektor swasta.

"Malah sesetengah daripada mereka (sektor swasta) menggunakannya (rasuah) sebagai sebahagian pelaburan ekonomi selain masih berlaku double

standard dalam isu yang berkaitan dengan rasuah. Ramai orang perlu dilibatkan dalam program anti rasuah".

"Kita memerlukan pematuhan dan etika untuk menentukan sempadan dalam setiap kriteria dan disokong oleh undang-undang tertentu. "Oleh kerana budaya anti-rasuah perlu ada dalam sektor industri, saya berpendapat Usahawan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu digalakkan memahami undang-undang, dan gabungan ini perlu disokong dengan persekitaran yang baik," katanya.

Penasihat Kanan Pembangunan Perindustrian dari Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat, Lynn Costa berkata, "Kod etika hanyalah salah satu daripada kaedah mengawal amalan rasuah yang kita perlu gunakan untuk memantau tingkah laku pekerja supaya apabila mereka menjalankan perniagaan, mereka tidak memberi sogokan atau rasuah sebagai jalan mudah untuk menyelesaikan urusan yang rumit".

Voluntary Codes of Business Ethics memberikan penjelasan serta pengharmonian amalan dan peraturan yang membolehkan syarikat memasuki pasaran APEC yang baru melalui kod pematuhan serta kemudahan hasil daripada inovasi berterusan di sektor peralatan perubatan.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corps Malaysia, Datuk Hafsa Hashim berkata, beliau memberi sokongan sepenuhnya bagi setiap inisiatif yang dilakukan.

"Melalui bengkel ini, kita dapat mewujudkan kesedaran di kalangan komuniti APEC. Ini penting dalam membentuk etika ke arah meningkatkan persaingan sihat dalam perniagaan.

Turut hadir di Majlis Perasmian ini Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Naib Presiden & Pensihat Umum, AdvaMed (USA), Chris White.

UBAH BUDAYA ORGANISASI, PERNIAGAAN, PASTIKAN GEJALA RASUAH TAK BERULANG

"Saya mahu pastikan gejala rasuah sebagai sebahagian kisah silam yang tidak berulang lagi pada masa depan. Untuk mencapai matlamat itu, budaya organisasi dan perniagaan di negara ini perlu diubah,"

Komitmen ini telah pun dibuktikan dengan wujudnya portfolio tadbir urus dan integriti dalam kabinet. Malah Pejabat Peguam Negara sekarang ini sedang merangka peruntukan undang-undang liabiliti korporat bagi melengkapkan undang-undang sedia ada dalam aspek anti-rasuah, jenayah komersial dan syarikat.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis penutup Bengkel Latihan Untuk Sukarelawan Kod Etika Perniagaan Dalam Sektor Peranti Perubatan, Biofarmaseutikal serta Pembinaan dan Kejuruteraan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di Institut Integriti Malaysia pada 30 Ogos lepas.

Beliau menyifatkan program ini penting bagi membantu bidang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) lebih berdaya saing. Etika perniagaan dalam ketiga-tiga bidang ini akan memudahkan pengusaha PKS membuat keputusan dalam perniagaan yang akan menyumbang kepada kemakmuran ekonomi secara keseluruhan.

Dalam ucapan yang sama, Datuk Seri Najib memaklumkan, SPRM adalah institusi yang boleh dijadikan contoh kepada negara lain yang bercadang menubuhkan agensi pencegahan rasuahnya sendiri.

Mekanisme kawal selia pentadbiran yang diwujudkan dalam SPRM terdiri daripada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah membolehkan SPRM bertindak secara bebas, telus dan profesional.

Kedudukan ini diperakukan Pejabat berkaitan Dadah dan Jenayah (UNODC) di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berdasarkan keterbukaan, ketelusan dan profesionalisme yang diamalkan suruhajaya ini.

Hadir di majlis ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paul Low Seng Kuan, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp Datuk Hafsa Hashim dan Penasihat Kanan Pembangunan Perindustrian, Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat, Lynn Costa.

Bengkel lima hari dari 26 hingga 30 Ogos itu disertai lebih 200 delegasi negara-negara anggota APEC termasuk Amerika Syarikat, Thailand, Russia, Filipina, New Zealand, Myanmar, Mexico, Laos, Kanada, Korea, Jepun, Indonesia, Hong Kong, Chile, Cambodia, China, Peru, Singapura, Vietnam, Papua New Guinea, Brunei Darrussalam dan Malaysia.

SOKONGAN RAKYAT NADI PERANGI RASUAH

KETIKA negara mencapai kemerdekaan 56 tahun lalu, Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang juga Perdana Menteri Malaysia pertama, pernah menekankan betapa pentingnya kita perlu menghapuskan sama sekali tiga elemen tidak sihat dalam memastikan pembangunan yang mampan. Tiga elemen dimaksudkan ialah rasuah, komunis dan komunalisme (corruption, communist and communalism).

Dalam tempoh lima dekad yang lalu, negara berjaya mengatasi masalah komunis dan komunalisme dengan berkesan. Bagaimanapun masalah rasuah tidak menemui kejayaan signifikan diharapkan.

Masalah rasuah masih menghantui rakyat negara ini. Saya telah menekankan perkara ini dalam satu sesi dialog sempena Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia Ketujuh di Kuala Lumpur, 24 Ogos lalu. Tema sidang kemuncak kali ini menarik. Menyusuri Hari Esok Menerusi Perjalanan Lalu.

Saya berkongsi dengan peserta Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia bagaimana kita telah berjaya keluar daripada masalah komunis dan komunalisme, sedangkan tidak dalam soal memerangi jenayah rasuah.

Tiga dekad yang lalu, apabila saya berada pada persidangan yang sama sebagai seorang peserta, saya pernah membangkitkan pentingnya kita melibatgandakan usaha mengatasi rasuah.

Hari ini, selaku Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), saya juga memberitahu peserta kalangan generasi muda itu bahawa kita berjaya mengatasi masalah komunis bukan hanya kerana peranan anggota polis dan tentera semata-mata, tetapi disebabkan sokongan padu rakyat.

Kerajaan telah menyediakan undang-undang, dasar sosioekonomi dan program yang bersesuaian untuk membebaskan rakyat daripada ancaman komunis dan komunalisme. Bukan sahaja rakyat, semua parti politik bersatu suara dalam merealisasikan misi menghapuskan elemen komunis dan komunalisme. Bukan hanya undang-undang dan pembaharuan fizikal menghapuskan komunis, tetapi kemahuan dan sokongan setiap anggota masyarakat.

Justeru, saya masih mencari jawapan mengapa kita belum mendapat sokongan padu dan menyeluruh daripada setiap rakyat dalam soal memerangi rasuah. Kita juga mengadakan undang-undang yang sewajarnya dari semasa ke semasa. Tetapi perpaduan bagi menangani gejala rasuah tidak sekuat mengatasi isu komunis dan komunalisme.

SPRM, yang sebelum Januari 2009 dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR), memerlukan



sokongan padu rakyat segenap lapisan masyarakat untuk memerangi rasuah. Saya mengakui kita tidak dapat menghapuskan rasuah seratus peratus. Malah setiap daripada kita juga akan menerima hakikat ini. Tetapi jika kita bersatu dan berganding tenaga tanpa mengira status dan kedudukan serta ideologi politik, saya amat yakin kita boleh mengurangkan kes rasuah atau mengawalinya sehingga ke paras minimum.

Beri kami sokongan anda. Kami amat memerlukan sokongan setiap rakyat. Hanya dengan sokongan yang kuat daripada rakyat, pihak yang 'dibuai' rasuah akan takut. Jika tidak, mereka tidak akan menjauhi rasuah. Visi SPRM ialah mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah dan menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

Dalam mengejar visi itu, salah satu cabaran dilalui SPRM ialah kekurangan dalam undang-undang

termasuk dalam Akta SPRM 2009. Saya juga perlu mengakui Akta SPRM 2009 lebih baik berbanding Akta Pencegahan Rasuah 1997 di mana ia lebih baik jika dibandingkan dengan Akta BPR 1982.

Peredaran masa dan kerumitan persekitaran memerlukan sistem perundangan yang lebih kemas lagi berkesan.

SPRM berhasrat untuk menjadi suruhanjaya anti rasuah yang profesional dalam menguatkuasakan undang-undang dan mendidik orang ramai terhadap rasuah dalam usaha ke arah pencegahan yang lebih besar untuk membasmi rasuah di Malaysia melalui prinsip bebas, telus dan profesional.

Kewujudan entiti pencegahan rasuah di Malaysia bermula dengan sebuah unit kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab menjalankan

aktiviti pencegahan rasuah. Ketika itu, siasatan kes rasuah dijalankan oleh Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia manakala pendakwaan pula dikendalikan oleh Jabatan Peguam Negara. Kerajaan kemudiannya telah menggabungkan usaha pencegahan rasuah oleh ketiga-tiga agensi itu dengan mewujudkan BPR pada 1 Oktober 1967.

Pada 29 Ogos 1973, entiti pencegahan rasuah negara diwujudkan secara undang-undang apabila Akta Biro Siasatan Negara diperkenan, sekali gus mengubah entiti BPR kepada Biro Siasatan Negara (BSN). Perubahan itu telah meluaskan kuasa perundangan BSN dengan mandat untuk menyiasat kes berkaitan kepentingan negara, di samping kes rasuah.

sekali gus menangkis persepsi negatif terhadap entiti pencegahan rasuah ini yang sebelumnya dianggap tidak bebas dan tidak telus.

Justeru, mekanisme 'check and balance' diwujudkan melalui pembentukan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi serta Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah untuk memantau, menasihati serta memastikan fungsi dan tanggungjawab SPRM dilaksanakan dengan cekap, berkesan, bebas dan telus. Keanggotaan kelima-lima entiti bebas ini dipilih daripada kalangan individu berintegriti yang cemerlang dalam perkhidmatan dan profesion masing-masing.

Cabaran yang bakal ditempuhi oleh SPRM pada tahun-tahun mendatang ialah membuktikan kepada masyarakat bahawa transformasi dilalui SPRM akan membawa perubahan besar ke atas keseluruhan sistem operasinya.

Sesungguhnya kejayaan dicatatkan oleh SPRM selama ini telah menjadikan ia sebagai sebuah agensi yang dinamik dan sentiasa bergerak ke arah kecemerlangan. SPRM kini dalam proses perbincangan dengan Peguam Negara untuk meminda Akta SPRM bagi memberi skop perundangan yang lebih luas. Antaranya peruntukan liabiliti korporat, mewajibkan mana-mana individu mengisytiharkan aset tanpa perlu mengemukakan asas elemen rasuah.

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 bagi tempoh tiga tahun akan datang akan menyaksikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) membanteras rasuah terus mempertingkatkan proses perubahan yang dicetuskan dalam GTP 1.0 dengan tiga aliran kerja menjadi tunjang iaitu agensi penguatkuasaan, rasuah besar dan perolehan kerajaan.

GTP 2.0 bakal menyaksikan penambahan komponen pendidikan kepada generasi muda untuk membentuk generasi akan datang yang peka dan bersikap proaktif terhadap usaha membanteras rasuah. Antara elemen dalam pendidikan yang diketengahkan ialah penubuhan Sekretariat Pencegahan Rasuah di Institut Maktab Perguruan, memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan sekolah

menengah serta latihan kepada anggota Parlimen.

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menjadikan usaha membanteras rasuah sebagai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) negara - bukti kukuh yang kerajaan serius dalam usaha mengurangkan rasuah.

Kerajaan juga mengumumkan inisiatif penambahbaikan pengurusan dan politik, mewujudkan unit pematuhan di semua badan kerajaan, mengurangkan peluang berlakunya rasuah melalui automasi, mewujudkan Perbadanan Pengurusan Aset Pusat, pengenalan program Ikrar Integriti Korporat (CIP), kewujudan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat serta portal MyProcurement.

Keyakinan masyarakat terhadap usaha kerajaan membanteras rasuah sangat penting. Persepsi rakyat masih menjadi cabaran utama kerajaan dalam membanteras jenayah dan memerlukan tempoh masa yang lama untuk mengubah serta mendidik rakyat tentang kesan gejala rasuah dalam negara.

Buku terbaru *Combating Corruption: Understanding Anti-Corruption Initiatives in Malaysia* menyebut "cabaran terbesar yang dihadapi kerajaan Malaysia ialah meyakinkan kumpulan bisnes dan publik yang masalah rasuah ditangani secara serius."

Pendek kata, rasuah perlu dan harus diperangi secara serius di semua peringkat. Usaha ini tidak boleh diserahkan kepada SPRM semata-mata. Rakyat perlu memainkan peranan. Pertubuhan bukan kerajaan ada peranan. Begitu juga pihak industri dan bisnes. Tidak ketinggalan ahli-ahli politik dan penggubal undang-undang.

Iltizam politik bukan sahaja perlu diperlihatkan oleh pihak pemerintah, sebaliknya ia harus ditonjolkan oleh parti-parti politik dan orang ramai.

Tan Sri Abu Kassim Mohamed
Ketua Pesuruhjaya
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia






Datuk Paul Low menyampaikan sumbangan kepada salah anak yatim yang diraikan di Majlis Jalinan Mesra Rangkaian SPRM di Pusat Konvensyen Putrajaya.



Tetamu-tetamu istimewa Majlis Jalinan Mesra Rangkaian SPRM bergambar bersama Datuk Paul Low dan Pengurusan Tertinggi SPRM.



Tetamu Khas... Sebahagian anak yatim yang diraikan di Majlis Mesra Rangkaian SPRM.




Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan menyambut ketibaan Datuk Seri Najib untuk merasmikan Bengkel APEC di IIM.



Antara tetamu yang hadir di Majlis Penutup Bengkel APEC yang dirasmikan oleh Datuk Seri Najib di Institut Integriti Malaysia (IIM).



Pameran SPRM sempena Bengkel APEC di Institut Integriti Malaysia (IIM).



Tan Sri Abu Kassim Mohamed menyambut tetamu-tetamu dari Hua Zhong yang hadir untuk sama-sama merayakan Majlis Jalinan Mesra Rangkaian SPRM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 22 Ogos 2013.



Sebahagian warga tua Rumah Seri Kenangan Cheras yang diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa anjuran bersama SPRM dan Affin Bank.



Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penghuni Rumah Seri Kenangan Cheras.

SPRM Alu-alukan Langkah GLC

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengalu-alukan langkah tegas syarikat korporat dengan mengamalkan dasar 'No Festive Gift Policy' yang diambil oleh beberapa GLC seperti yang disiarkan dalam media pada 12 Julai 2013.

SPRM menyifatkan dasar seumpama ini, iaitu tidak menerima hamper atau 'buah tangan' atau apa jua bentuk hadiah yang diberikan oleh pelanggan mereka, sebagai salah satu inisiatif menyemai sikap menjauhi sebarang amalan yang berbau sogokan rasuah di peringkat organisasi.

Langkah yang diambil oleh Kumpulan Media Prima, Syarikat Prasarana Negara Berhad, Telekom Malaysia, PKNS, Petronas dan Malaysia Airports Holdings Berhad serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) harus dihargai dan SPRM juga yakin pendirian seumpama ini akan diikuti oleh syarikat-syarikat lain dan dijadikan sebagai satu amalan yang berkekalan.

SPRM juga berpandangan bahawa perkembangan yang amat positif ini merupakan sebahagian daripada manifestasi komitmen sifar toleransi terhadap amalan rasuah oleh organisasi perniagaan di bawah program Ikrar Integriti Korporat (CIP), yang kini telah ditandatangani oleh lebih 250 syarikat dan pertubuhan. Pendirian ini merupakan penzahiran ikrar yang telah dibuat melalui CIP di mana syarikat-syarikat yang menandatangani CIP mendukung dan menyokong usaha-usaha mencegah rasuah oleh SPRM dan Kerajaan.

CIP menggariskan lima prinsip antirasuah iaitu mempromosikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik, memperkukuhkan mekanisme kawalan dalam dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah,

pematuhan undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah, membanteras sebarang bentuk amalan rasuah, dan menyokong inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan SPRM.

Malah, SPRM juga melihat pendirian terbuka GLC terbabit sebagai satu amalan positif organisasi-organisasi perniagaan bagi membantu usaha memerangi rasuah dalam jangka panjang. Ia juga satu langkah membudayakan integriti di kalangan kakitangan syarikat. Oleh itu pematuhan sepenuhnya prinsip-prinsip antirasuah tersebut boleh membantu ke arah pencapaian hasrat kerajaan agar pengamalan transaksi perniagaan di negara ini bebas rasuah.

Pelanggan-pelanggan berkenaan sama ada individu atau syarikat sememangnya mempunyai hubungan rasmi dengan organisasi perniagaan tersebut; maka sewajarnya budaya pemberian dan penerimaan hadiah dicegah kerana dikhuatiri pemberian tersebut boleh mempengaruhi si penerima dalam membuat sesuatu keputusan yang lazimnya akan memihak kepada si pemberi. Ini kerana hadiah-hadiah berkenaan biasanya tertera nama atau identiti individu atau syarikat si pemberi.

Diharapkan dasar 'No Gift Policy' ini tidak hanya terhad pelaksanaannya ketika musim perayaan sahaja, tetapi perlulah dipatuhi sepanjang masa.

SPRM yakin usaha-usaha ini akan juga memperkukuhkan lagi kesepakatan serta kesepaduan jalinan kerjasama sektor swasta-SPRM untuk memerangi rasuah selaras dengan kehendak Seksyen 7 (g) Akta SPRM 2009 iaitu mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah.

Inisiatif ini telah diwar-warkan oleh SPRM sejak dahulu dengan menasihatkan individu atau syarikat supaya tidak memberi hadiah atau hamper pada musim perayaan kerana dikhuatiri menjadi suapan rasuah. Usaha ini juga meliputi pegawai perkhidmatan awam tidak menerima sebarang hadiah berunsur rasuah atau diketahui diberi secara rasuah yang bertujuan untuk mendapat balasan atau untuk

No GIFT Policy

Datuk Sutinah Sutan

melakukan sesuatu perkara berkaitan urusan rasmi.

Tidak dinafikan bahawa pemberian hadiah atau 'buah tangan' boleh mengeratkan persahabatan dan silaturahim antara dua pihak, namun tujuan sebenar pemberian tersebut sukar diselami sama ada ia merupakan pemberian ikhlas atau sebaliknya, berbentuk insentif, dorongan atau balasan. Mungkin insentif, dorongan atau balasan itu tidak berlaku ketika hadiah berkenaan diberi atau diterima, tetapi mungkin berlaku di kemudian hari. Oleh yang demikian, adalah lebih baik amalan ini dicegah di peringkat awal kerana ia mungkin berunsur suapan rasuah.

Walaupun terdapat sesetengah pihak memberi alasan mengatakan pemberian hadiah semasa musim perayaan adalah suatu kelaziman dalam dunia perniagaan, tetapi keterangan sedemikian tidak boleh diterima di mahkamah. Peruntukan ini jelas dinyatakan di bawah Seksyen 57 Akta SPRM 2009 yang menyebut dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah, keterangan tidak boleh diterima untuk menunjukkan bahawa apa-apa suapan ialah suatu kelaziman dalam apa-apa profesion, tred, kerjaya atau pekerjaan atau dalam sesuatu upacara sosial.

Sekiranya berlaku tawaran, pemberian atau permintaan atau penerimaan hadiah yang berunsur suapan rasuah, maka ia hendaklah dilaporkan terus kepada mana-mana pejabat SPRM dengan segera mengikut kehendak peruntukan Seksyen 25 Akta SPRM 2009. Kegagalan melapor boleh mengakibatkan seseorang itu dituduh di mahkamah dan jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum dengan denda dan penjara atau kedua-duanya sekali.

Orang ramai, syarikat atau mana-mana organisasi yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan pemberian hadiah boleh melayari laman web SPRM iaitu www.sprm.gov.my.

Datuk Sutinah Sutan
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan),
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,
Putrajaya, 16 Julai 2013



Pelbagai cara digunakan untuk menyeludup bahan api bersubsidi ke negara jiran.

DIESEL: DISELEWENG SETIAP HARI

Muhammad Yusof Bahir

Penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi yang berlaku secara berleluasa, dan dilakukan oleh rakyat Malaysia sendiri menyebabkan kerajaan mengalami kerugian jutaan ringgit setiap bulan.

Kegiatan ini dikatakan berada ditahap serius. Dilakukan secara bersindiket. Melibatkan individu dari syarikat pembekal, pemilik stesen, pemandu lori, nelayan, orang awam, pekerja swasta, warga asing dan yang lebih parah, ada anggota-anggota penguatkuasa dari pelbagai agensi yang ditugaskan untuk memantau kegiatan itu turut bersekongkol melakukan kerja haram itu.

Berlaku di semua negeri. Di sepanjang sempadan, pelabuhan, jeti nelayan, di tengah laut, hentian di lebuhraya dan stesen-stesen minyak yang memalsukan laporan bagi mendapatkan kuota tambahan dan kemudian menghantar terus bekalan ke kawasan industri, selain kehadiran kenderaan diubahsuai yang berulang kali mengisi minyak dengan jumlah yang tidak munasabah.

Bahan api bersubsidi pada harga RM1.80 dan kini RM2.00 berbanding harga ditetapkan kerajaan untuk pengguna industri dan harga tinggi di negara-negara jiran, mendorong sindiket penyelewengan diesel begitu ghairah melakukan perdagangan haram ini secara berterusan. Perbezaan harga yang ketara menyebabkan kegiatan penyeludupan ini semakin berleluasa.

Ratusan ribu liter dilarikan setiap hari menggunakan lori, bas, kapal, bot nelayan dan kenderaan pacuan empat roda yang diubahsuai semata-mata untuk mengisi lebih banyak diesel sebelum dijual kepada pihak industri, nelayan asing atau diseludup merentasi sempadan Thailand, Filipina dan Singapura.

Modus operandi kumpulan ini ialah mereka membeli diesel atau petrol dari stesen minyak ke stesen minyak yang lain disekitar daerah atau bandar menggunakan kenderaan diubahsuai tangki tambahan berkapasiti 500 hingga 1500 liter. Malah ada lori tanah yang diubahsuai mampu memuatkan sehingga 5,000 liter diesel.

Bahan bakar itu kemudian dibawa ke premis tersembunyi

sebagai tempat transit sebelum dijual kepada pihak industri atau diseludup ke luar negara melalui pangkalan haram.

Di lebuhraya lain pula caranya. Urusniaga dilakukan secara terbuka. Kumpulan dianggotai lima atau enam orang akan menunggu di kawasan rehat dan rawat (R&R) berebalkan tong plastik dan hos untuk membeli diesel bersubsidi dari pemandu-pemandu lori yang menjual diesel kenderaan perdagangan yang dipandunya tanpa pengetahuan majikan mereka.

Kumpulan ini kemudian menyimpan sementara diesel berkenaan di ladang-ladang sawit berhampiran dan menjualnya kepada pihak industri untuk mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

Penyelewengan di kalangan nelayan juga di tahap serius. Terdapat pihak atau individu dalam persatuan bersekongkol dengan sindiket di mana bekalan yang diterima akan dihantar terus kepada pihak ketiga.

Penghantaran ini kemudian disahkan oleh individu tertentu yang disyaki telah diberi habuan rasuah.

Intipan yang dilakukan SPRM mendapati, pemandu lori tangki berhenti di kawasan tertentu dan sejumlah diesel dipindahkan ke lori tangki atau skid tank lain tanpa pengetahuan syarikat minyak atau pembeli. Susulan risikan itu, 19 orang pengusaha dan anggota sindiket berjaya ditahan manakala diesel bernilai RM517,000.00 disita.

Kebanyakan sindiket melakukan aktiviti haram tanpa rasa takut diambil tindakan. Malah berani membina tempat penyimpanan diesel di tanah kerajaan, lebuhraya atau milik individu tanpa kebenaran.

Sesetengah sindiket sanggup mengupah 'tonto' untuk menakut-nakutkan penguatkuasa yang menjalankan tugas. Mereka juga dipercayai diilindungi individu tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan mengumpul kekayaan dari urusniaga haram ini.

Masalah ini telah pun berlaku sejak beberapa tahun

lalu. Pelbagai pendekatan dan peraturan pernah dikuatkuasakan bagi membendung penyelewengan ini. Namun ia masih terus berlaku, ketirisan subsidi gagal ditangani dengan berkesan.

Salahlaku pengkhianat ini sukar dihentikan selagi ia dikaitkan dengan segelintir penguatkuasa yang bagaikan pagar makan padi, yang membantu membentuk kartel atau tauke-tauke sindiket yang mengawal keadaan.

Disegi penguatkuasaan, sejak 2009 hingga Jun 2013 bersama agensi penguatkuasa lain, SPRM telah menahan 138 orang, termasuk tujuh kakitangan awam yang disyaki menerima suapan kerana tidak mengambil tindakan terhadap kegiatan haram berkenaan menyebabkan kegiatan haram ini terus berleluasa akibat kurang keberkesanan pemantauan daripada agensi penguatkuasa berkaitan.

Selain menuduh mereka yang disyaki di mahkamah, SPRM juga telah melakukan sitaan bernilai melebihi RM2 juta, lucuthak berjumlah RM3 juta dan denda sebanyak RM36,500.00.

Penyelewengan ini serius dan tidak boleh dibiarkan. Kerajaan memberi subsidi untuk membantu meringankan beban rakyat. Namun jika terus diselewengkan, pastinya bantuan ini tidak sampai ke sasarannya. Malah akan menyumbang kepada pertambahan perbelanjaan kerajaan dalam pemberian subsidi.

Penyelewengan ini berlaku di sekeliling kita. Orang ramai harus peka dan membantu menangani gejala ini dengan melaporkan kepada pihak berkuasa. Sikap tidak ambil tahu bukan sahaja menjadi masalah kepada negara, tetapi akan menyusahkan kita sekiranya bahan api ini semakin sukar diperolehi.

Ingatlah, amalan memberi subsidi bahan api kepada rakyat tidak lagi dilaksanakan oleh mana-mana negara di dunia ini, kecuali Malaysia. Hargailah. Laporkan kegiatannya.



Shuib takut kena “PULAU”

Jinjang Joe

“Polis lagi. Tak habis-habis buat hal”. Perkara pertama terdetik di hati. Di depan saya, Ah Meng dan kawannya membuat aduan mengenai lima anggota polis meminta rasuah RM20,000.

Menurut cerita Ah Meng, beliau dan kawannya ditahan lima anggota polis ketika berada di sebuah pasaraya sekitar jam 11 malam. Pemeriksaan mendapati Ah Meng memiliki lima paket dadah jenis Erimin 5. Salah seorang polis berkenaan menuduh Ah Meng mengedar dadah tersebut dan hendak membawanya ke balai. Ah Meng yang ketakutan merayu agar dilepaskan.

Kelima-lima anggota polis berbincang seketika. Ah Meng hanya melihat tetapi tidak dapat mendengar kerana perbualan mereka terlalu perlahan. Kemudian, anggota polis bernama Ramli menghampiri Ah Meng dan bertanya “Berapa you ada?”.

“Kenapa la kau minta? Kalau dah syak pengedar, tangkap je la”. Hati saya memberontak. Geram dengan perbuatan mereka. Ah Meng memang penjenayah dan seorang pengedar dadah. Tetapi perbuatan lima durjana ini adalah lebih teruk kerana membenarkan penjenayah meneruskan jenayahnya. Tindakan sebegini menyebabkan, najis dadah mudah diperoleh di pasaran. Bukan sahaja dadah, malah senjata api, arak, mercun dan berbagai bahan terlarang boleh dibawa masuk ke negara ini.

Kalau Ah Meng ni bukan pengadu, saya akan pastikan beliau disumbat dalam penjara.

Atas dasar menjalankan tugas dengan profesional, saya dengar penjelasan Ah Meng dengan teliti. Keadilan mesti ditegakkan. Tidak kira siapa pengadu, penjenayah rasuah mesti diambil tindakan keras.

Ah Meng mengaku telah menyerahkan RM12,000 kepada Ramli. Wang itu tidak diberi serentak. Bayaran pertama RM5,000 adalah duit Ah Meng sendiri. Dibayar pada ketika itu juga. Sebenarnya Ramli meminta RM20,000 supaya Ah Meng dilepaskan. Oleh kerana wang tidak mencukupi, Ah Meng menghubungi Ah Loi dan meminta bantuannya. Kira-kira dua jam kemudian, Ah Loi datang membawa wang tunai RM7,000. Walaupun jumlahnya tidak cukup, Ah Meng dilepaskan “Kalau aku jumpa kau lagi, aku tangkap”, Ramli memberi amaran.

Menurut Ah Meng, dalam kelima-lima anggota polis itu, Ramli yang paling tua. Berumur 40-an. Anggota yang lain sekitar awal 20-an. Ah Meng yakin boleh mengecam Ramli kerana di pipinya ada parut panjang.

Ah Loi bijak. Sebelum wang RM7,000 diserahkan kepada Ramli, nombor siri wang ditulis satu persatu di atas sehelai kertas. Tindakan itu memudahkan siasatan kami. Selepas aduan rasmi dibuat, saya memberi arahan supaya kelima-lima anggota berkenaan ditangkap pada malam itu juga. Walaupun

waktu sekarang sudah 11.30 malam, tindakan tidak boleh ditangguh. Harapan saya, wang yang diterima masih berada dalam milikan mereka. Walaupun tidak semua.

Setelah taklimat operasi, kami bergerak ke balai tempat lima anggota berkenaan bertugas. Ah Meng turut serta untuk mengecam anggota yang terlibat.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Tuan Jefri memberi sokongan dan bantuan penuh kepada operasi kami. ‘Nak bersihkan polis’ katanya. “Anggota yang rasuah ni tak ramai pun. Sikit sangat. Tapi mereka ni la yang merosakkan imej jabatan”. Saya setuju sangat dengan pendapatnya.

Tuan Jefri menghubungi kelima-lima anggota mengarahkan mereka melapor diri kepadanya serta merta tanpa memaklumkan kehadiran kami.

Lebih kurang jam 1 pagi, kelima-limanya sampai di bilik Tuan Jefri. Mereka tidak tahu siapa dan apa yang sedang menunggu. “Saya serahkan mereka kepada tuan-tuan”, kata Tuan Jefri kepada saya. Beliau begitu memahami tugas kami. Semua agensi penguat kuasa adalah sehaluan. Sama-sama ingin membanteras jenayah.

Saya memperkenalkan diri dan tujuan kehadiran kami. Kelima-lima anggota berkenaan turut memperkenalkan diri

mereka. Mereka adalah Koperal Ramli, Konstabel Shuib, Konstabel Azizul, Konstabel Zamal dan Konstabel Yahya. Selain Ramli, kesemuanya adalah ‘budak baru’ yang tidak sampai setahun bertugas.

Langkah seterusnya adalah meminta kelima-lima anggota berkenaan mengeluarkan semua barang-barang yang ada di badan mereka untuk diperiksa. Fokus kami adalah mencari wang bernombor siri yang sama dengan senarai Ah Loi. Kami percaya wang tersebut masih ada kerana mengikut perkiraan mudah, masing-masing akan memperoleh RM2,400 jika RM12,000 dibahagi sama banyak. Dalam tempoh 24 jam, Kemungkinan besar wang itu belum habis dibelanjakan.

Strategi kami berjaya! Kebanyakan wang masih ada pada suspek. Hanya Shuib sahaja gagal dikesan di mana wang yang telah diterima disembunyikan. “Mana duit yang awak terima tu?”, saya mendesak kerana percaya wang itu masih disimpannya. Shuib hanya diam membisu. Beliau sebenarnya baru sembilan bulan keluar dari pusat latihan. Sesekali Shuib memandang saya tetapi tidak berkata apa-apa.

“Macam ni tuan...” Shuib akhirnya bersuara. “Saya mengaku ambil wang daripada Cina tu...” Shuib teragak-agak. “Kalau tuan nak duit tu, kena ikut saya balik rumah”.

Shuib membawa kami ke rumahnya di kuanters polis. Kebetulan rakannya tiada di rumah. Kami ikut masuk ke dalam rumah.

Saya lihat Shuib menuju ke rak kasut yang terletak berdekatan pintu masuk. Kemudian dia membuka sebuah kotak kasut dan mengambil sesuatu. Kami hanya menunggu.

“Ini duitnya tuan.” Shuib menyerahkan seberkas wang dalam not yang bercampur RM100, RM50 dan RM10.

Banyak! Saya dan pegawai lain berpandang sesama sendiri. Saya anggarkan wang itu lebih RM10,000. Seperti tahu apa yang bermain di fikiran kami, Shuib menjelaskan “Semua ni duit haram yang saya terima sepanjang saya kerja. Saya tak mahu ambil. Tapi...kalau tak ambil, saya takut kena pulau dengan kawan-kawan”. Shuib terdiam seketika “Sesen pun saya tak pernah guna. Semua simpan kat sini”

Pemeriksaan mendapati sejumlah RM2,000 daripada wang itu mempunyai nombor siri yang sama seperti dicatit oleh Ah Loi.

Dengan bukti yang ada, Ramli, Shuib dan tiga yang lain ditangkap dan dibawa balik ke pejabat. Mereka seterusnya direman lima hari untuk siasatan lanjut.

Hasil siasatan mendapati Ramli sebenarnya perancang. Empat yang lain hanya mengikut. Sebagai ketua kumpulan, Ramli seperti guru yang mengajar muridnya melakukan jenayah. Walaupun begitu, undang-undang tetap melayan mereka

sama sahaja. Kesemuanya melakukan kesalahan samada secara sukarela atau tidak.

Pengajaran daripada kisah ini adalah, selain tamak dan peluang menjadi sebab utama seseorang itu terlibat dengan jenayah rasuah, kawan-kawan atau rakan sekerja juga mempunyai pengaruh yang amat besar. Apa yang berlaku dalam kes ini, Shuib terlibat sama dalam jenayah rasuah kerana takut dipulaukan oleh rakan-rakan. Saya percaya, situasi ini dihadapi oleh ramai orang di luar sana dalam agensi-agensi lain. Hati tidak rela tetapi tidak berani untuk menentang arus. Sekiranya ini berterusan, lama kelamaan orang seperti Shuib akan berubah hati dan terus hanyut terjebak dalam jenayah.

Kita juga tidak boleh melabel mana-mana agensi sebagai rasuah. Tiada agensi yang mengajar pegawai dan anggotanya supaya terlibat dalam jenayah ini. Kita patut puji pegawai dan anggota polis yang melaksanakan tugas dengan jujur dan amanah. Cabaran mereka amat besar. Peluang ada di mana-mana dan hanya jati diri mampu menjadi benteng pemisah dengan perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.



KUALA LUMPUR – Kerajaan akan mewajibkan setiap agensi awam menubuhkan Unit Integriti masing-masing sebagai inisiatif pengawalan terhadap kewibawaan kakitangan awam mulai 1 Ogos 2013 dan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Oktober 2013.

Berpandukan Pekeliling Pehidmatan Bilangan 6 Tahun 2013, penubuhan unit ini penting bagi memastikan tabdir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti menjadi landasan penting ke arah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan, seterusnya memantapkan integriti penjawat awam untuk terus menjunjung dan menegakkan prinsip integriti dan akauntabiliti bagi mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, inisiatif menubuhkan unit integriti disetiap agensi adalah bagi membendung salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan awam. Langkah ini merupakan inisiatif proaktif kerajaan dalam memperkasa tabdir urus penjawat awam dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Selain itu, penubuhan unit ini akan memantapkan lagi tabdir urus baik melalui kawalan dalaman terutamanya dalam aspek integriti melalui pelaksanaan enam fungsi teras iaitu tabdir urus, pengukuhan integriti, pengesanan dan pengesahan, pengurusan aduan, pematuhan dan tatatertib.

Keputusan menubuhkan unit ini menggambarkan keseriusan kerajaan dalam memperkasa dan memantapkan tabdir urus perkhidmatan awam ke arah memberikan perkhidmatan yang efisien, adil,



BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

SETIAP AGENSI AWAM WAJIB ADA UNIT INTEGRITI

telus dan profesional kepada seluruh rakyat.

Sehubungan itu, semua agensi kerajaan diseru memberi perhatian, keutamaan dan fokus kepada penubuhan unit ini dengan pelaksanaannya bukan sekadar mematuhi arahan yang akhirnya gagal mencapai matlamatnya.

Susulan keputusan kerajaan itu, SPRM telah dipertanggungjawabkan untuk menetapkan model yang bersesuaian dengan melaksanakan penarafan risiko agensi terlibat bagi setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

Penarafan risiko akan dibuat merangkumi pelbagai kriteria seperti amaun bajet atau aset pembangunan, dengan fokus kepada yang melebihi RM1 bilion bagi tahun semasa serta tahap persepsi rasuah yang tinggi. Manakala bagi kementerian, kriteria tambahan digabungkan dengan taraf risiko yang diberikan mesti melebihi taraf agensi-agensi di bawahnya. Selaras langkah kerajaan itu, Akademi Pencegahan Rasuah

Malaysia (MACA) telah merangka modul khusus bagi melatih ramai Pegawai SPRM dan agensi lain mengenai peranan dan tugas Ketua Pegawai Integriti di mana kemungkinan mereka akan ditempatkan. 700 Unit Integriti dijangka ditubuhkan membabitkan semua agensi kerajaan.

Satu taklimat kepada bakal ketua-ketua Unit Integriti akan diadakan pada awal September ini bertujuan melengkapkan pengetahuan berkaitan aspek integriti, tugas, tanggungjawab dan misi menerap budaya 'zero tolerance' terhadap rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan tatakelakuan tidak beretika dalam agensi yang akan mereka sertai.

Ini perlu bagi melahirkan ketua unit yang memiliki kualiti dan kelayakan yang sewajarnya bagi memastikan unit ini dapat berfungsi bebas, adil dan profesional bagi membuktikan keseriusan agensi-agensi kerajaan dalam membendung rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

PEGAWAI KHAS MENTERI ISYTIHAR HARTA

KUALA LUMPUR 11 Ogos – Tindakan tiga pegawai khas menteri menyerahkan dokumen perisytiharan harta kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim Mohamed dalam satu majlis tertutup di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia, di Persiaran Duta bukan sahaja satu tindakan bertanggungjawab dan berintegriti malah patut menjadi contoh kepada individu yang masih sangsi dan was-was untuk melakukannya.

Inisiatif ini selaras dengan keputusan kerajaan

supaya semua menteri kabinet, timbalan menteri termasuk anggota keluarga terdekat mengisytiharkan harta kepada SPRM. Langkah ini bukan sahaja akan membersihkan imej anggota-anggota kabinet dan keluarganya dari pelbagai tohmahan malah mampu mewujudkan ketelusan serta integriti dalam pentadbiran negara.

Selain proses saringan, dua elemen penting dan format di dalam borang perisytiharan harta jelas menyamai Pekeliling Perkhidmatan Awam Malaysia iaitu Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang mengkehendaki pegawai awam mengisytiharkan harta mereka sebaik mula dilantik, bila berlaku pertambahan harta dan pelupusan harta yang telah dilaporkan atau sebab diarahkan oleh kerajaan. Perisytiharan ini termasuk harta dimiliki isteri dan anak di bawah tanggungannya dan dibuat secara akaun bersumpah.

kali ke 6 ini. Turut serta Pengarah-pengarah Siasatan, Perundangan dan Pendakwaan, Operasi Khas, Pendidikan Masyarakat, Pengarah Johor dan pegawai-pegawai kanan SPRM dari Ibu Pejabat Putrajaya.

Walaupun penganjuran sukan ini bukan bermatlamat mempamer kekuatan fizikal, kontinjen SPRM masih berupaya menyapu bersih semua acara yang dipertandingkan seterusnya mengekalkan pemilikan piala pusingan bagi tahun ke 6 berturut-turut.

Mesyuarat khas antara pengurusan tertinggi dari dua agensi pencegahan rasuah ini turut diadakan bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan keperluan meningkatkan kerjasama dua hala dalam memerangi

Abu Kassim berkata, selain untuk menjaga integriti pegawai khas kepada menteri, usaha ini dapat mengelakkan sindrom 'orang tengah' di mana segelintir daripadanya mengambil kesempatan menyalahgunakan kuasa dari rangkaian hubungan murni yang telah diamanahkan kepada mereka.

Beliau berharap agar pegawai-pegawai khas menteri dapat sama-sama memahami, seterusnya membantu usaha-usaha membanteras rasuah yang sedang giat dilakukan selain menjadi penyampai maklumat yang tepat dan terkini kepada menteri.

Tiga pegawai khas yang hadir di majlis itu ialah Pegawai Khas Timbalan Perdana Menteri, Mohd Naim Mahmmud, Pegawai Khas Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Khairul Azlee dan Pegawai Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Idris Jala, Izhar Moslim.

SUKAN ERATKAN SPRM, CPIB

rasuah melalui strategi 'working group' khususnya dalam operasi. Kerangka kerjanya akan disediakan secepat mungkin bagi merealisasikan persetujuan ini.

Sukan kali 7 akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 2014.

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

Kementerian Kerja Raya komitmen perangi rasuah

KUALA LUMPUR 1 Julai – Kementerian Kerja Raya bukan sahaja berazam untuk menambahbaik pelaksanaan sistem penyampaiannya kepada rakyat, sebaliknya pencapaian prestasi dan amalan tabdir urus baik itu akan disertai dengan peningkatan integriti warganya bagi menghapus persepsi negatif terhadap kredibiliti kementerian berkenaan.

Dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama SPRM, langkah ini dilihat sebagai inisiatif intensif ke arah membentuk gabungan strategik memerangi jenayah rasuah yang berkemungkinan berlaku di agensi itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkata MoU ini merupakan satu inisiatif positif oleh Kementerian Kerja Raya yang menguruskan sektor pembinaan di negara ini.

Katanya, kerajaan bercadang menubuhkan taskforce anti rasuah dalam sektor pembinaan yang dianggap berisiko tinggi dengan jumlah nilai projek pembinaan kerajaan dan swasta dianggarkan melebihi RM 80 bilion sejak tahun 2007.



Rasuah
menyebabkan
jalan yang dibina
tidak berkualiti.

Menurut beliau lagi, gabungan ini akan menyediakan rangka kerja bagi menjalin kerjasama selain meraih sokongan semua pihak khususnya mereka yang terlibat dalam industri pembinaan untuk bersama memerangi rasuah.

Memorandum Persefahaman ini ditandatangani bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Ketua Setiausaha Kementerian Datuk Himmat Singh disaksikan Datuk Paul Low, Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof dan Timbalannya Datuk Rosnah Rashid Sirlin.

Datuk Fadillah menegaskan, bermula tahun depan semua kontraktor, arkitek, jurutera dan pihak berkepentingan dalam projek kerajaan perlu menandatangani ikrar integriti sebagai langkah drastik membanteras rasuah, penyelewengan dan memastikan tiada ketirisan dana selain meningkatkan proses urus tabdir dan integriti.

Sebagai permulaan, komitmen ikrar integriti ini akan dilakukan secara sukarela di kalangan pihak-pihak berkenaan selewat-lewatnya awal tahun 2014. Komitmen ini dipantau oleh SPRM dan akan menjadi antara kriteria pertimbangan dalam pemberian tender dan kontrak kerajaan.

Titbits

Suruhanjaya Anti- Rasuah Bhutan Tingkatkan kepakaran di MACA

KUALA LUMPUR – Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) terus menjadi pilihan agensi pencegahan rasuah dari seluruh dunia sebagai hub latihan paling berjaya dalam menyediakan kemudahan latihan, kemahiran dan kepakaran dalam bidang pembanteras jenayah rasuah.

Terbaru, 27 pegawai dari Suruhanjaya Anti-Rasuah Bhutan (ACC) diketuai Pengarah Perolehan dan Sumber Manusia, Rinzin Dorji dan Ketua Pegawai Integriti suruhanjaya itu, A Karma Rinzin menerima sijil tamat latihan dari Pengarah MACA Datuk Abdul Wahab Abdul Aziz dalam majlis yang berlangsung di Dewan Putrajaya di Akademi itu pada 21 Ogos lepas.

Latihan selama 21 hari kendalian Sekolah Antarabangsa itu berlangsung di MACA manakala sebahagian sesi lagi diadakan di sebuah hotel di Port Dickson dari 1 hingga 21 Ogos.

Modul latihan disesuaikan dengan keperluan pegawai-pegawai ACC itu sendiri bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran sebagai persiapan menghadapi jenayah rasuah di negara itu. ACC Bhutan mula beroperasi pada 31 Disember 2005.

Sebagai sebahagian dari usaha mengukuhkan organisasi, objektif latihan menjurus kepada menimba dan mempelajari pengalaman menghadapi fenomena rasuah yang kronik supaya pegawai-pegawai ini dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan. Kemampuan Malaysia menangani kes-kes rasuah di negara ini akan dijadikan rujukan.

Menurut Rinzin, pihaknya telah memohon kepada SPRM dan MACA agar terus melatih dan membantu dari segi kepakaran. Beliau sangat berterima kasih kerana berpeluang belajar dari SPRM dan bercadang untuk terus berkongsi pengalaman melalui seminar, latihan dan persidangan pada masa-masa akan datang.

Katanya lagi, kursus intensif di MACA ini benar-benar memberi inspirasi kepada pegawai-pegawai ACC untuk memerangi rasuah di negara yang terletak di banjaran Himalaya itu.

Sepanjang tempoh kursus, delegasi turut dibawa melawat ke beberapa Bahagian dan Cawangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Dalam ucapan ringkasnya, Datuk Abdul Wahab mengucapkan tahniah dan memaklumkan kepada peserta bahawa MACA akan terus memberi sokongan kepada ACC Bhutan dalam memerangi rasuah. MACA juga akan terus berperanan sebagai pusat kecemerlangan dalam menyediakan latihan dan kursus berkaitan pencegahan rasuah.

Beberapa tahun kebelakangan ini SPRM dan ACC Bhutan telah menempa banyak kejayaan bersama menerusi program latihan selain mengiktiraf MACA sebagai hub latihan terbaik di dunia.

Rasuah bukan kerana faktor politik, warna kulit, agama dan bangsa. Rasuah berlaku disebabkan ketiadaan integriti seseorang individu itu.



BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

1-800-88-6000

Email: info@sprm.gov.my

Web: www.sprm.gov.my

SMS: 019-6000 696